

## ISU KEFAHAMAN PELAJAR TERHADAP KONSEP ASAS AKIDAH DI SEKOLAH MENENGAH

### [THE ISSUE OF STUDENTS' UNDERSTANDING OF THE BASIC CONCEPT OF AQIDAH IN THE SECONDARY SCHOOL]

SYAZANA MD YUSOF<sup>1\*</sup> & HAFIZHAH ZULKIFLI<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Correspondent Email: hafizhah\_zulkifli@ukm.edu.my

---

*Received: 10 July 2023*

*Accepted: 30 July 2023*

*Published: 15 August 2023*

---

**Abstrak:** Akidah merupakan suatu perkara asas yang perlu ada dalam diri setiap Muslim dan akidah juga merupakan manifestasi ketaatan makhluk kepada Pencipta-Nya. Prinsip-prinsip akidah seperti Rukun Iman perlu diimani dan disempurnakan mengikut yang telah disyariatkan oleh Allah SWT tanpa sebarang syak dan keraguan. Oleh itu, dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, bidang akidah telah dimuatkan ke dalam kurikulum pendidikan di Malaysia dan yang terkini ialah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang telah digunakan di sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh hal yang demikian, pengajaran dan pembelajaran akidah yang diterapkan di sekolah dengan menggunakan silibus yang diberikan oleh KPM telah cukup untuk membina pengetahuan asas dalam diri pelajar. Namun begitu, masih terdapat isu dalam kalangan pelajar di sekolah menengah dalam memahami bidang akidah yang dipelajari di sekolah. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan mengenalpasti isu yang dihadapi oleh pelajar dalam memahami bidang akidah di sekolah. Metodologi yang digunakan untuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif melalui kaedah tinjauan kepustakaan.

**Kata Kunci:** Akidah, kefahaman, pelajar.

**Abstract:** Akidah is a basic thing that every Muslim must have and also a manifestation of the obedience of creatures to their Creator. The principles of belief such as the Pillars of Faith need to be believed and perfected according to what has been prescribed by Allah SWT without any doubts. Therefore, in the subject of Islamic Education, the field of faith has been absorbed into the education curriculum in Malaysia and the latest is the Standard Secondary School Curriculum (KSSM) which has been used in secondary schools under the Malaysian Ministry of Education (KPM). Therefore, the teaching and learning of faith that is applied in schools using the syllabus provided by the Ministry of Education has been sufficient to build basic knowledge in students. However, there are still issues among students in secondary school in understanding the akidah (utmost belief) that is learned in school. Therefore, this study will identify the issues faced by students in understanding the field of faith in school. The methodology used for this study is qualitative by using the literature review method.

**Keywords:** Faith, understanding, student.

**Cite This Article:**

Syazana Md Yusof & Hafizhah Zulkifli. (2023). Isu Kefahaman Pelajar Terhadap Konsep Asas Akidah di Sekolah Menengah [The Issue of Students' Understanding of The Basic Concept of Aqidah in The Secondary School]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 3(2), 1-15.

## **PENDAHULUAN**

Sejak kebelakangan ini, pelajar sekolah sangat terdedah dengan pelbagai informasi dan maklumat daripada pelbagai sumber. Akibat daripada kemudahan akses kepada informasi melalui rangkaian teknologi, anak remaja yang berpendidikan tinggi turut terpengaruh dan terikut dengan gejala ajaran sesat yang menyeleweng (Syamilatul & A`dawiyah, 2022). Terdapat golongan yang tidak bertanggungjawab telah menyampaikan maklumat secara salah sehingga mengakibatkan golongan remaja mudah percaya dan terikut. Kemudahan media yang terdapat pada masa kini telah disalahpakai oleh pengguna dengan menyebarkan ajaran akidah yang salah dan bercanggah dengan kehidupan manusia (Syafawani & Wan Fariza Alyati, 2020). Antara ajaran yang bertentangan dengan akidah Islam di Malaysia adalah seperti modenisme, liberalisme, pluralisme, sekularisme, syiah, Ayah Pin, Taslim, Rufaqa` dan Tuhan Harun (Nor Azizah et al., 2019).

Sementara itu, kemasukan fahaman-fahaman dari negara Barat telah mengakibatkan berlakunya permasalahan akidah pada masa kini (Khairi Jalaluddin & Khadijah Abdul Razak, 2019). Lebih parah lagi, apabila kumpulan berfahaman liberal seringkali menjadikan remaja sebagai sasaran utama dan prinsip yang dibawa mereka amat bercanggah dengan prinsip tauhid serta mampu mencetuskan kecelaruan akidah dan akhirnya membawa kepada murtad (Norsaleha et al., 2021) dan akibat daripada kemudahan akses kepada internet dan interaksi sosial yang semakin meluas, generasi muda kini telah diserang akidah mereka oleh pemikiran daripada barat seperti Sekular, Liberal dan Syiah (Nur Aisyah Asyikin Mohd Zurita & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2022).

Pada waktu yang sama, golongan remaja menjadi sasaran utama agenda Barat dalam mengelirukan sekaligus merosakkan akidah mereka (Nor Azizah et al., 2019). Sekiranya akidah dalam diri tidak dijaga dengan baik maka akan lebih mudah terdedah kepada ancaman penyelewengan akidah (Shamilatul Sufia Abdullah & A`dawiyah Ismail, 2022). Sehubungan dengan itu, pelajar seharusnya mempersiapkan diri dengan ilmu akidah yang benar dan mantap serta mengaplikasikannya bagi menghadapi cabaran dan ancaman akidah daripada luar.

Selain itu, seiring dengan perkembangan teknologi yang begitu pesat dalam dunia pendidikan telah mendorong guru pendidikan Islam untuk menjadi lebih kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah demi menarik perhatian pelajar untuk mengikuti kelas pendidikan Islam. Dalam Pendidikan Islam diperingkat sekolah rendah, komponen akidah adalah merupakan aspek penting yang memerlukan kepada pengetahuan isi kandungannya (Mohd Haidi Mohd Kasran, 2021). Namun begitu, tuntutan untuk mengajar dan menerapkan pendidikan akidah dalam diri pelajar dilihat amat penting dan perlu diberi keutamaan berbanding pendidikan yang lain. Penerapan nilai Islam seperti akidah dan akhlak hendaklah dididik dan diajar kepada seseorang individu daripada usia muda lagi dan sebaiknya dari kecil lagi (Mira Shodiqoh & Fashi Hatul, 2020). Pendidikan dan kefahaman akidah hendaklah diterapkan kepada anak-anak sejak dari kecil lagi agar mereka tidak hidup dalam keadaan terumbang-ambing serta berada dalam kejahilan (Nur Aisyah Asyikin Mohd Zurita & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2022).

## KAJIAN LITERATUR

Sementara itu, penjelasan yang diberikan oleh Sidek Baba (2010) berhubung dengan isu-isu remaja adalah seharusnya mereka menguatkan jati diri mereka dengan memperkukuhkan akidah dan keimanan terhadap Islam serta kembali berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah. Penekanan terhadap akidah yang perlu diberikan perhatian adalah dengan meletakkan sepenuh keimanan terhadap perkara-perkara ghaib seperti dosa, pahala, syurga, neraka dan qada` dan qadar yang merupakan keyakinan terhadap umat Islam. Tambahan lagi, Asjad Mohamed et al., (2013) turut memperincikan bahawa melalui keyakinan yang jelas terhadap dalam diri terhadap Allah SWT adalah Tuhan Yang Maha Esa dan tiada sekutu baginya maka remaja akan menjauhkan dirinya daripada perbuatan yang akan membawanya kepada kancas kemaksiatan dan dosa.

Adalah menjadi suatu keperluan dalam diri seorang Muslim mempelajari ilmu asas akidah dan mengamalkannya agar menjadikannya insan yang jelas dan benar dalam beragama (Siti Nur Aisyah & Sarinah Yahya, 2019). Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia juga turut berhasrat melahirkan umat Islam yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, beradab serta berakhlak mulis yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta dapat melahirkan individu yang bertaqwa kepada Allah SWT serta mampu memberi sumbangan terhadap bangsa dan negara (KPM, 2002). Di sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia telah diajar subjek pendidikan akidah Islam dibawah Kurikulum Pendidikan Islam dan pelajar diajar mengenai enam rukun iman yang wajib diimani oleh semua umat Islam (Rosni et al., 2020). Oleh hal yang demikian, melalui sistem pembelajaran yang terancang dan bersistem terhadap pendidikan akidah dan akhlak akan mampu melahirkan sikap yang terpuji terhadap pelajar (Siti Rusminah, 2019) serta disokong oleh guru yang terlatih dan berkualiti daripada keluaran institusi-institusi yang diselia oleh kerajaan menjadikan kurikulum pendidikan Islam yang terdapat di Malaysia bersistematik dan terancang (Muhammad Zaki Zainuddin & Khadijah Abdul Razak, 2021).

Abdullah Nasih `Ulwan (1995) turut memberi penjelasan berkaitan pendidikan akidah yang merupakan aspek terpenting dalam segala kebajikan dan sumber kesempurnaan. Menurut Abu Hamid Muhammad (1998) pula asas akidah yang utama apabila seseorang Muslim beriman kepada Allah SWT dengan mengucap dua kalimah syahadah yang mengandungi dzat Allah, sifat-sifat-Nya, *af`al*-Nya dan mengakui kebenaran Rasul.

## KONSEP AKIDAH MENURUT ISLAM

### Pengertian Akidah

Akidah dari sudut bahasa berasal daripada perkataan *al aqd* yang membawa maksud ikatan yang kuat dan kukuh serta tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Selain itu, ia juga turut digunakan dalam perjanjian, menguatkan sumpah dan digunakan juga dalam jual beli yang menunjukkan aqad berjual beli antara penjual dan pembeli seperti mengaqad penjuror baju atau kain bagi menunjukkan maksud aqad yang sebenar iaitu mengikat dengan erat dan kukuh (Ibn Faris t.th., 4: 86-90; Lisan al-`Arab t.th., 3: 296-300; al-Kamus al-Muhit t.th.: 384-389).

Dari segi istilah pula, akidah dapat difahami sebagai suatu keyakinan atau kepercayaan yang terikat dan tersimpul dengan kuat dan kukuh dalam jiwa manusia sehingga tidak akan menyebabkan terpisah atau terlerai (Mahmud Shaltut, 1966). Selain itu, akidah turut dikaitkan dengan kepercayaan dan keyakinan dalam diri sehingga tiada lagi keraguan dan kesamaran untuk tunduk dan patuh kepada Allah s.w.t kerana telah mendapat ketenangan dalam jiwa (al-Banna, 1421H: 7). Di samping itu, akidah juga dikenali sebagai iman seperti yang dinyatakan oleh Al-Qardawi (1987) iaitu iman tidak hanya diungkapkan melalui lisan atau keyakinan dalam hati sahaja akan tetapi keimanan yang sebenar-benarnya adalah merupakan kepercayaan atau akidah yang dipenuhi dalam hati tanpa mencampurinya dengan sebarang syak dan keraguan.

Dalam pada itu, Abu Bakar Jabi Al-Jazairy (1999) mengemukakan pendapat mengenai makna akidah yang lain iaitu suatu kebenaran yang boleh diterima secara umum oleh manusia berdasarkan akal, wahyu dan fitrah. Kebenaran tersebut diyakini dengan pasti di dalam hati dan tidak menerima segala sesuatu yang bertentangan dengan kebenaran tersebut. Akidah juga diistilahkan sebagai sesuatu yang dapat menguasai pancaindera, keinginan dan perasaan apabila ia menembusi hingga ke dalam hati sanubari (Al-Qardawi, 1993). Diibaratkan akidah ini sebagai rukun asas atau daging dalam kehidupan masyarakat yang mampu menyatukan umat manusia (Muhammad Shamat, 1988).

## **ISU KEFAHAMAN PELAJAR DALAM BIDANG AKIDAH DI SEKOLAH MENENGAH**

Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan subjek wajib yang diajar di sekolah menengah yang menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Namun begitu, terdapat isu-isu yang berbangkit yang telah menyebabkan segelintir pelajar masih tidak dapat memahami pengajaran akidah yang telah diajarkan di sekolah.

### **Isu Pertama: Kefahaman pelajar terhadap isi kandungan pembelajaran akidah di sekolah**

Berdasarkan penerangan yang diberikan oleh Mohd Haidi Mohd Kasran (2020) menjelaskan bahawa pendidikan Islam adalah merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan yang memerintah Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Pendapat Imam Barnadib (1981) dalam penulisan Ghazali (2001) telah menerangkan bahawa sesuatu sistem akan dipengaruhi oleh dasar yang dibentuk dan sistem tersebut akan mendapat pengaruh yang besar daripadanya. Tauhid adalah suatu landasan yang sepatutnya dibina dalam kurikulum Pendidikan Islam dan seterusnya barulah diikuti dengan ibadah dan akhlak yang baik Satria Kharimul Qolbi & Tasman Hamami (2021). Oleh hal yang demikian, pelajar yang beragama Islam samada di sekolah rendah atau menengah perlu diajarkan dengan pendidikan Islam. Justeru, kewujudan kurikulum pendidikan Islam di sekolah adalah untuk memberi pembelajaran kepada pelajar-pelajar (Abdul Hamid, 1993).

Bidang akidah merupakan suatu subjek yang boleh dikatakan sukar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang perlu dipelajari oleh murid (Soleh, 1998). Hal ini telah menjadi isu utama dalam kalangan pelajar sekolah menengah dalam memahami konteks

pembelajaran akidah dalam keadaan yang sukar. Masih terdapat pelajar yang tidak dapat membezakan antara ajaran akidah yang benar dan salah. Akibat daripada kegagalan memahami akidah yang benar maka pelajar akan terdedah dengan ancaman ajaran yang tidak benar serta hanya menggunakan logik akal sahaja (Shakila et al. 2013). Oleh itu, usaha dalam memberikan kefahaman kandungan ajaran ASWJ secara pendidikan formal dan tidak formal hendaklah dipergiatkan (Mohd Haidi Mohd Kasran, 2020). Hal ini bagi membendung berlakunya kesalahfahaman dan kecelaruan pegangan akidah dalam diri pelajar sekolah.

Tambahan lagi, sekolah-sekolah yang terdapat di Malaysia telah menggunakan tulisan Jawi sebagai medium untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam (Kang Kyoung Seouk, 1990). Namun begitu, menurut Awang Mohamad Amin (1989) mendapati bahawa pelajar berada pada tahap yang lemah bagi penguasaan kemahiran menulis dan membaca Jawi. Perkara ini telah disokong oleh Mustapha Yazid (1991) dalam kajiannya yang mendapati bahawa 95 peratus pelajar menunjukkan sikap tidak minat terhadap tulisan Jawi kerana mereka menganggap ia suatu perkara yang susah dipelajari dan tidak penting malah tidak akan dinilai dalam peperiksaan. Di samping itu, dalam kajian Nik Rosila Nik Yaacob (2007) yang dijalankan terhadap pelajar di sekolah menengah, beliau telah merumuskan bahawa pelajar yang lemah dalam membaca buku teks Pendidikan Islam dalam tulisan Jawi adalah disebabkan oleh penguasaan yang lemah terhadap tulisan Jawi dan secara tidak langsung mengakibatkan pelajar tidak dapat memahami teks yang dibaca dengan baik. Perkara ini juga telah memberi kesan terhadap minat pelajar sekaligus pencapaian mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Sulaiman Ngah Ghazali, 1990 & Azman Wan Chik, 1986). Akibat daripada kelemahan dan kegagalan pelajar untuk membaca dan menulis Jawi juga telah menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam dengan baik (Nik Rosila Nik Yaacob, 2007). Oleh itu, kefahaman pelajar terhadap isi kandungan Pendidikan Islam terutama dalam bidang akidah dilihat amat berkait rapat dengan kemahiran dan penguasaan tulisan Jawi.

Di samping itu juga, terdapat kekangan masa yang diperuntukkan di sekolah dalam membincangkan berkaitan konsep-konsep akidah dengan lebih jelas dan mendalam sedangkan pelajar perlu mempunyai persediaan terlebih dahulu dalam memahami pembelajaran akidah tersebut (Mohamad Maliki Ali et al. 2018). Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa akibat daripada masa yang tidak mencukupi ketika sesi pembelajaran tersebut maka pelajar akan lebih cenderung untuk tidak menguasai isi kandungan bidang akidah yang dipelajari sekaligus tidak dapat memahaminya dengan baik.

### **Isu Kedua: Kefahaman pelajar terhadap pengajaran guru dalam bidang akidah di sekolah**

Selain itu, isu kedua pula adalah berkaitan kefahaman pelajar terhadap pengajaran guru dalam bidang akidah di sekolah. Guru yang mengajar di sekolah lebih memilih kaedah penyampaian secara kuliah dan berpusatkan guru berbanding berpusatkan murid dan perkara ini berlaku akibat daripada sistem pendidikan Malaysia yang memberi penekanan terhadap pencapaian akademik pelajar malah guru-guru perlu memenuhi keperluan peperiksaan tersebut walaubagaimana (Mladenovic, 2000). Perkara ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Ahmad Yunus Kasim (2011), Wan Mohd Daud (1989) & Che Pee (1983) yang mendapati

bahawa pdp yang dijalankan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) berkaitan tajuk akidah adalah bersifat berpusatkan guru, menggunakan kaedah tradisional berpandukan teks klasik, menggunakan teknik hafalan dan tidak mengaitkan pembelajaran dengan kehidupan murid. Perkara ini turut dipersetujui oleh Foster (1995) dan Gabbin (2002) yang berpendapat bahawa sekiranya pengajaran dan pembelajaran yang terlalu berpusatkan guru digunakan dalam kelas maka akan berlaku kegagalan dalam melatih pelajar dalam pelbagai aspek kemahiran seperti kemahiran berfikir, komunikasi dan menyelesaikan masalah.

Kesannya, ramai yang menganggap bahawa kaedah pengajaran akidah sebagai “kering” serta tidak mampu memberi impak kepada jiwa murid malah turut tidak mencapai matlamat seperti yang dikehendaki (Wan Mohd. Nor, 1989). Seterusnya, akibat daripada penggunaan pengajaran secara tradisional telah menyebabkan kesukaran pelajar dalam memahami akidah kerana pengolahan bahasa yang digunakan adalah menggunakan bahasa klasik, penggunaan ayat al-Quran tanpa menulis tanda baca dan rujukan surah malah penggunaan contoh juga dilihat kurang sesuai serta tidak mampu memberi kesan yang mendalam terhadap kehidupan murid secara realiti (Ali Ahmed, 1999). Guru perlu lebih mengenal tahap kemampuan akal pelajar-pelajar nya dalam ilmu tauhid supaya ketika sesi pengajaran pelbagai kaedah dapat dimanfaatkan (Abdul Wahab, 1997).

Perlu diingat bahawa setiap pelajar tidak mempunyai kecerdasan kognitif yang sama kerana mereka mempunyai kefahaman yang berbeza terhadap pengajaran guru (Fatin Izzati & Farah Hanan, 2021) Selain itu, bagi memberikan kesan yang maksimum terhadap jiwa dan akal pelajar maka memerlukan kepada pengajaran yang lebih efektif dengan menggunakan bahasa, bukti dan contoh yang difahami, idea yang bernas serta ayat al-Quran yang mempunyai perkaitan dengan tajuk yang diajar (Abdul Majid, 2008). Guru seharusnya memberi penerangan terhadap pengetahuan isi kandungan dengan berkualiti, tepat serta memberi manfaat terhadap pelajar di samping guru perlu mempunyai pengetahuan yang sepadan dengan topik serta mengetahui kaedah yang terbaik dalam menyampaikan pengajaran bagi topik tersebut (Muhammad Qutb, 2004). Pendedahan terhadap persoalan akidah seharusnya ditujukan kepada pelajar dari aspek pemikiran rasional lalu dikuatkan lagi dengan ilmu sains yang lebih moden (Fatimah, 2005).

Pengajaran oleh guru terhadap pelajar seharusnya mampu memberi kefahaman serta pencapaian terhadap akal fikiran (al-Ghazali, 1939). Oleh hal yang demikian, kualiti keberkesanan pengajaran subjek Pendidikan Islam amat bergantung kepada guru-guru dalam menghasilkan pelajar-pelajar yang menghayati Islam dari segi akhlak dan kebolehan dalam menyelesaikan masalah yang berlaku (Zainal Abidin Hj. Abd Kadir, 1995). Di samping itu, seharusnya guru Pendidikan Islam mampu secara menyeluruh dalam menyampaikan syiar Islam dan pendidikan terhadap pelajar seperti yang sering diertikan sebagai murabbi, mu`allim, mu`addib, alim dan ulama (Abdul Halim El-Muhammady, 1991). Justeru, dalam proses membentuk peribadi muslim yang mulia maka perlunya kepada pengajaran pendidikan Islam iaitu suatu proses tunjuk ajar daripada guru atau pendidik kepada pelajar dalam mengembangkan potensi murid dari aspek jasmani, rohani dan mental (A. Mustafa, 1999).

### **Isu Ketiga: Kefahaman pelajar dalam penghayatan akidah Islam**

Penghayatan dapat difahami sebagai proses pembelajaran yang berterusan serta memerlukan kepada usaha yang berterusan (Hassan, 1981). Di samping itu, penghayatan juga membawa maksud perlaksanaan tanggungjawab oleh pelajar yang beragama Islam yang dilakukan secara sukarela dan beramal dengan pembelajaran dan pengajaran yang dipelajari dalam mata pelajaran Pendidikan Islam secara konsisten setiap hari serta diserap ke dalam jiwa mereka sehingga melahirkan pelajar yang berakhlak mulia (Noorkharilhuda Ibrahim, 2017). Merujuk kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) Pendidikan Islam adalah subjek yang memberi penekanan terhadap kefahaman serta penghayatan mengenai kepercayaan terhadap Islam dan akidah, mempraktikkan ibadat khusus dan umum dan mendidik dalam diri manusia untuk bersikap bertanggungjawab terdapat Tuhan Yang Esa, manusia dan alam semesta. Oleh hal yang demikian, kefahaman pelajar terhadap penghayatan akidah haruslah bertepatan dengan matlamat pendidikan Islam iaitu memperoleh kebahagiaan dunia akhirat dengan melahirkan serta membentuk individu yang mempunyai perasaan tanggungjawab terhadap pencipta, manusia dan alam (Ghazali Darussalam & Sufean Husin, 2018).

Dalam hal ini, isu yang dihadapi oleh pelajar adalah berkaitan dengan kefahaman dalam penghayatan akidah Islam yang mana dilihat berada pada tahap yang lemah sehingga mendorong mereka terlibat dengan perkara yang meruntuhkan akhlak (Yahya, 2004). Penghayatan akidah yang terdapat dalam diri generasi muda kian pudar dan membimbangkan sehingga mengakibatkan berlakunya pelbagai masalah (Rosni, 2020). Selain itu, pelajar tidak mampu menghayati dan menterjemahkan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian mereka meskipun terdapat ramai pelajar yang memperoleh keputusan yang baik dan lulus dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Mohamad Faisal, 2005). Bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dalam sesebuah budaya maka ilmu yang diperolehi perlu diamalkan kerana konsep ilmu tidak hanya memenuhi keilmuan, kefahaman dan kemahiran sahaja (Zaini, 2009). Al-Ghazali dan Ibn Maskawaih turut menegaskan bahawa jika ilmu yang diperolehi oleh seseorang diamalkannya dengan baik, maka akan berlaku peningkatan yang baik dalam aspek rohani dalam dirinya dan sekaligus dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT (Mohd Nor, 2011).

Sementara itu, pelajar yang mempunyai masalah disiplin dikaitkan dengan tidak mempunyai kefahaman dan penghayatan agama dan rohani yang baik (Wan Norasiah, 2003, Abdullah et al. 2018, Annasai et al. 2020). Akibat daripada penghayatan akidah yang lemah maka berlakunya masalah penagihan dadah dalam kalangan belia (Rosni Wazir et al. 2020). Dalam artikel Rosni Wazir et al. (2020), kajian yang dilakukan oleh Abdullah (2009) mendapati bahawa seramai 48 orang daripada 270 remaja Melayu di sekitar Lembah Klang yang terlibat dengan pengambilan dadah dan ada diantara mereka yang melakukan perkara yang dilarang agama seperti menonton filem lucah (128 orang, 47.4%), melakukan hubungan seks (124 orang, 45.9%), minum minuman keras (112 orang, 41.5%) dan meninggalkan solat (77 orang, 59.2%). Oleh itu, kesan daripada kurangnya kefahaman terhadap penghayatan akidah maka akan terjadi pelbagai gejala sosial yang tidak sihat dalam kalangan pelajar sekolah. Justeru, Al-Attas (1984) berpandangan bahawa matlamat pendidikan Islam akan tercapai jika pengajaran pendidikan Islam tersebut mampu menghasilkan individu yang mempunyai keperibadian yang baik atau disebut sebagai insan kamil. .

### **Isu Keempat: Kefahaman pelajar terhadap pengaplikasian konsep asas rukun Iman**

Umum mengetahui bahawa dalam menjalani kehidupan yang berpandukan ajaran Islam, individu Muslim hendaklah mengaplikasikan aspek akidah, ibadah, muamalat dan akhlak dalam kehidupan (Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2022). Mira Shodiqoh dan Fashi Hatul (2020) bahawa dari usia yang masih kecil lagi nilai Islam seperti akidah dan akhlak perlu diterapkan dan dididik. Dalam sistem pendidikan di Malaysia pelbagai kaedah dan cara dijalankan dalam usaha mendidik anak bangsa dari aspek rohani dan jasmani (Sarinah et al., 2019). Adalah menjadi suatu kewajipan bagi seorang Muslim untuk mematuhi prinsip-prinsip asas Islam yang terdapat dalam rukun Iman dan rukun Islam dan bukan sekadar menjadikannya sebagai suatu pilihan semata-mata (Al-Ghazali, 1998; Syed Naquib, 1995; Manal et al., 2020).

Mengenali Allah SWT sebagai Tuhan Yang Maha Esa yang memiliki ilmu al-tauhid merupakan asas utama dalam agama Islam (al-Zabidi, 1989). Namun, masih terdapat pelajar yang hanya mengetahui beriman kepada Allah SWT sebagai rukun Iman yang asas namun tidak benar-benar mengaplikasikan kepercayaan tersebut dalam diri mereka sehingga ada di antara mereka yang tidak mematuhi perintah Allah SWT dengan sebaiknya seperti mengabaikan ibadat yang wajib. Misalnya, Abdullah (2019) turut menyokong kenyataan berikut bahawa dalam kalangan pelajar sekolah pelaksanaan ibadah seperti solat fardhu, puasa di bulan Ramadan, berzikir, membaca al-Quran dan berdoa masih berada pada tahap yang sederhana. Dalam erti kata yang lain, setiap umat Islam perlu mengetahui bahawa asas kepada penerimaan ibadah adalah keimanan dan ianya juga yang membezakan seseorang di hadapan Allah SWT (Nor Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari, 2022). Hal ini telah disokong oleh Nor Dalilah Zakaria dan Raihanah Azahari (2022) iaitu dengan menghayati Iman, Islam dan Ihsan maka manusia akan lebih memahami dan menerima dengan sepenuhnya akan kitab Allah SWT dan sunnah baginda Rasulullah SAW dengan penuh yakin serta perkara-perkara *sam`iyyat* yang diciptakan oleh Allah SWT. Keyakinan umat Islam terhadap rukun Iman akan memberi impak yang baik terhadap hati manusia (al-Ghazali, 2000) sehinggakan mampu mendorong diri untuk melakukan ibadat kepada Allah SWT kerana yakin akan pembalasan-Nya (Nor Wahida Dzalihu`zzabir, 2017). Perkara-perkara yang menyalahi agama Islam dapat dibendung sekiranya seseorang Muslim menghayati dan mengamalkan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Di samping itu, cabang rukun-rukun iman yang lain adalah selepas mengenali ilmu Allah SWT (Nor Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari, 2022). Sementara itu, masih terdapat pelajar yang mempunyai kecenderungan untuk tidak mengaplikasikan cabang rukun Iman yang lain seperti kepercayaan kepada qada` dan qadar dalam kehidupan mereka. Perkara ini berlaku apabila mereka tidak dapat menerima ketentuan yang ditakdirkan oleh Allah SWT terhadap diri mereka sendiri. Misalnya, permasalahan yang semakin mencabar berlaku di sekolah iaitu pelajar yang mempunyai kecelaruan jantina dalam diri mereka seperti yang dijelaskan oleh Arif Ariffin (2019) sehingga mengakibatkan mereka bertindak dengan berkelakuan seperti jantina yang dikehendaki atau diingini mengikut perasaan serta naluri yang bertentangan dengan jantina asal malah beranggapan bahawa diri mereka telah terperangkap dalam tubuh lelaki atau sebaliknya. Perkara ini telah bertentangan dengan konsep qada` iaitu merupakan keputusan dan ketetapan Allah SWT akan makhluknya samada ianya bersifat menjadikan, menafikan atau



mengubah (Samsul Bahri, 2012) dan hukum Allah SWT akan kewujudan sesuatu sifat misalnya hitam, putih, tinggi, rendah dan lain-lain lagi (Akhmal Mohd.Zain, 2015). Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Mohd Izwan dalam artikel Audrey (2019) menyatakan bahawa terdapat peningkatan sebanyak 30,000 golongan transgender di Malaysia berbanding sebelumnya hanya 10,000. Dalam pada itu, pelajar yang beragama Islam amat mudah dipengaruhi oleh golongan transgender yang memberi impak negatif kepada diri mereka (Mohamad Afandi Md Ismail et al. 2020). Oleh itu, pelajar perlu jelas bahawa sekiranya seseorang Muslim tersebut akan menjadi kufur sekiranya tidak mengimani salah satu rukun Iman yang enam kerana beriman dengannya adalah suatu kewajipan (Abd. Hadi Awang, 1985). Nor Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari (2022) menjelaskan bahawa tonggak utama keimanan seseorang mukallaf adalah apabila rukun iman difahami dan dihayati dengan baik dan menghambakan diri kepada Allah SWT. Dalam memperoleh perasaan kasih sayang terhadap Allah SWT maka mempelajari rukun Iman perlulah dilakukan secara berterusan dan tidak hanya sekadar mempelajarinya di sekolah rendah dan sekolah menengah sahaja. Penerapan rukun Iman dalam diri akan melahirkan ketenangan serta kegembiraan dalam hati manusia kerana wujudnya rasa reda akan setiap yang telah ditentukan oleh Allah SWT dalam hidup mereka samada dalam bentuk kesusahan ataupun kesenangan kerana mereka yakin setiap daripadanya akan diberi pembalasan yang setimpal (Ahmad Fa`iz, 1985).

## **CADANGAN**

Bagi isu kefahaman pelajar terhadap isi kandungan mata pelajaran dicadangkan agar penerangan terhadap isi kandungan bidang akidah dijelaskan dengan jelas dan mudah difahami agar pelajar mendapat keseronokan ketika belajar di samping mampu memahami dan menguasai setiap topik yang dipelajari. Selain itu, disarankan juga agar pembelajaran terhadap Pendidikan Islam di dalam kelas tidak hanya menggunakan bahan dalam tulisan Jawi sahaja namun melibatkan juga tulisan Rumi. Hal ini bagi mengelakkan keciciran pelajar dalam memahami isi kandungan pembelajaran akibat daripada penguasaan tulisan Jawi yang lemah. Pihak sekolah juga perlu mengambil inisiatif merancang dan menyusun atur semula jadual waktu persekolahan yang lebih efektif terutama bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang memerlukan tempoh waktu yang mencukupi agar pembelajaran lebih berkualiti dan bermakna. Selain itu, bagi pengajaran guru terhadap bidang akidah pula disarankan agar guru mempelbagaikan kaedah pengajaran yang lebih menarik serta melibatkan semua pelajar dan tidak hanya menumpukan kepada satu kaedah pengajaran sahaja. Perkara ini bagi mengelakkan pelajar bosan dan tidak fokus ketika pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada kaedah syarahan atau kuliah, guru juga disarankan untuk menggunakan kaedah pengajaran seperti soal jawab, perbincangan, demonstrasi dan sebagainya mengikut kepada kesesuaian pelajar dan pembelajaran. Sementara itu, cadangan terhadap isu kefahaman pelajar terhadap penghayatan akidah pula, adalah disarankan agar setiap program yang dianjurkan di sekolah mampu meningkatkan penghayatan diri pelajar terhadap akidah Islam serta nilai-nilai Islam dalam diri mereka seperti menganjurkan program simulasi haji, sembelihan, perarakan maulidur Rasul dan sebagainya. Dengan program seperti ini diharapkan mampu mengukuhkan lagi akidah dalam diri pelajar di samping mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Akhir sekali, dalam pengaplikasian rukun iman dalam diri pelajar pula adalah menjadi tanggungjawab warga

pendidik yang beragama Islam di sekolah untuk menghidupkan kefahaman dalam diri pelajar terhadap rukun Iman dengan mengaitkan setiap pembelajaran tersebut dengan asas rukun Iman dan mengikut kesesuaian. Dengan cara berikut pelajar akan menyedari kepentingan mengaplikasikan rukun Iman bukan sekadar di dalam kelas sahaja namun dalam seluruh aspek kehidupan.

## KESIMPULAN

Pengetahuan dan kefahaman akidah yang dimiliki oleh pelajar perlulah seiring dengan kurikulum Pendidikan Islam yang diajar diperingkat sekolah. Sekiranya berlaku keciciran dalam membentuk kefahaman akidah dalam diri pelajar maka akan berlaku pelbagai kecelaruan dan permasalahan akidah dalam diri dan hidup mereka. Remaja merupakan aset yang terpenting bagi sesebuah negara dan seharusnya pendidikan serta kefahaman akidah perlu dititikberatkan dalam diri pelajar di sekolah. Namun begitu, akibat daripada kefahaman akidah yang lemah dalam kalangan pelajar maka akan mendatangkan kesan yang buruk terhadap diri pelajar itu sendiri dan Wazir et al. (2020) mengakibatkan kelemahan jasmani dan rohani terhadap seseorang individu malah akan menjadi kelompongan dalam membina kesejahteraan diri dan masyarakat. Oleh hal yang demikian, pelajar seharusnya mempunyai pengetahuan dan pengaplikasian terhadap rukun Iman yang enam serta perlu berada pada tahap yang tinggi dan penguasaan yang baik agar pelajar tidak cenderung melakukan perkara negatif yang menyalahi ajaran Islam. Keyakinan dan keimanan terhadap rukun Iman ini adalah selari dengan hakikat sebenar yang telah diyakini oleh baginda Rasulullah SAW serta para sahabat yang juga menjadi dasar pegangan akidah golongan Ahlu Sunnah Wal Jamaah yang disokong oleh dalil dan nas al-Quran (Mustafa, 1996).

## RUJUKAN

- ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan. 1995. *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Syed Ahmad Semait (Terj.), Singapura: Pustaka Nasional.
- A. Mustafa. 1999. *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia*. Bandung: CV Pustaka Setia
- Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. 2007. *Perbahasan Akidah Islam*. Pustaka Salam Sdn. Bhd
- Abd Al-Wahab Abd Al-Salam. 1997. *Al-Tarbiyyat Al-Islamiyyat Wa Fan Al-Tadris*. Al-Qahirah: Dar Al-Salam
- Abd Hadi Awang. 1985. *Muqaddimah Aqidah Muslim*. Kuala Lumpur: Penerbit Gedung Gua Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Sulaiman, Hasnurol Hashim, Zuraini Yaakub, Aisah Hasmam, Abd Razak Abu Chik, Mohd Muhsinul Nidzam Abdullah, Sohaina Mohd Salleh & Wan Ali Akbar Wan Abdullah. 2022. Tahap Pengetahuan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar (IPGKRM). *Journal Of Quran Sunnah Education And Special Needs* 6: 79-90
- Abdul Halim El-Muhammady. 1991. *Pendidikan Islam, Falsafah Dan Peranan Pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Salam.

- Abdul Hamid Othman. 1993. Falsafah Pendidikan Islam: Pelaksanaannya Di Institusi-Institusi Pendidikan Malaysia, Dlm. *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Majid Al Zendani. 2008. *Book Of Tawheed: The Oneness Of Allah*. Al-Firdous Ltd London.
- Abdullah, H. . 2009. *Pembentukan Model Sosio-Psikologikal Dalam Memahami Fenomena Mat Rempit Di Lembah Klang*. Projek FRGS. Institut Pengajian Sosial: UPM.
- Abdullah, M.A., Salim, S.S.S. & Arip, M.A.S.M.. 2018. Factors That Influenced The Problem Of Truancy Among Secondary School Students. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences* 8(3): 343-353
- Abu Hamid Muhammad bin Muhammad Al-Ghazali. 1998. *Ihya' 'Ulum Al-Din, J. 1*. Kaherah: Maktabah Misr.
- Ahmad Johari Sihes, Abdul Rahim Hamdan, Jamaluddin Ramli, Nor Salis Samingan. 2020. Pengaruh Pengetahuan Agama Ke Atas Amalan Agama Dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Yunus. 2011. Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes. Tesis Phd. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Akhmal Hj. Mohd. Zain. 2015. *Asas Pengetahuan Agama Islam Tauhid, Fiqh & Akhlak*. Selangor: Al-Hidayah House Of Publishers Sdn. Bhd.
- Ali Ahmed Madkur. 1999. *Manhajiyah Tadris Al-Mawad Al-Shar'iyah*. Kaherah: Dar Al-Fikr Al-'Arabi.
- Annasaii Jamar, Fatin Nazmin Mansor & Mohd Aderi Che Noh. 2020. Kefahaman Dan Pengamalan Nilai Islam Dalam Kalangan Pelajar "Ground-Handling" Di Kolej Swasta Malaysian Aviation Training Academy (MATA), Kuantan. *Jurnal Hal Ehwal Islam Selangor* 4(1): 200-219.
- Arif Arifin. 2019. *Khunsa & Transeksual: Identiti, Undang-Undang Dan Hukum Menurut Islam*. Selangor: Must Read Sdn. Bhd
- Asjad Mohamed, Muhammad Muzakkir Othman, Mohd Hafiz Abdul Wahab, Normilia Abd Wahid & Sharifah Norhuda Syed Wahid. 2013. Kefahaman Dan Amalan Dalam Berakidah: Kajian Terhadap Pelajar. *Prosiding KONAKA Konferensi Akademik (Sains Sosial)*. Bukit Gambang Resort City, Gambang, Pahang, Malaysia. 274-281 Diploma Semester Akhir, Uitm Pahang
- Audrey Dermawan. 2019. "Bilangan Gay, Transgender Semakin Meningkatkan: JAKIM". Laman Sesawang BH Online, Dicapai 19 Julai 2019. <https://www.bharian.com.my/Berita/Nasional/2018/10/491972/Bilangan-Gay-Transgender-Semakin-Meningkat-Jakim>.
- Awang Mohamad Amin. 1989. Tulisan Jawi Ke Arah Penggunaan Yang Lebih Meluas Dan Berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa* 33(12): 937-941.
- Azman Wan Chik. 1986. *Kaedah Amali Hayati: Satu Pendekatan Mengajar Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Banna.Hasan. 1421. *Al-'Aqa'id. Tahqiq: Ridwan Muhammad Ridwan*. Iskandariyyah: Dar Al-Da'wah.

- Che Pee @ Che Hanapi Saad. 1983. Satu Kajian Perbandingan Tiga Kaedah Pengajaran Tauhid Di Maktab Perguruan Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fatimah Abdullah. 2005. *Teaching Islamic Theology in the era of globalization. Proceedings International Seminar Religious in the Muslim World: Challenges and Prospect*. Kuala Lumpur. International Islamic University Malaysia.
- Fatin Izati Binti Mohd Taher & Farah Hanan Binti Abu Bakar. 2021. Pendidikan Digital Era Ri 4.0 Dalam Pendidikan Islam. *International Conference On Syariah & Law2021(Iconsyal 2021)-Online Conference 6 Th April 2021*, hlm. 436-451.
- Foster, H.L. 1995. Implementing innovative pedagogy in the first course in accounting and its relationship to student attitudes toward the profesion. Tesis PhD. Andrews University, USA.
- Gabbin, A. L. 2002. The crisis in accounting education. *Journal of Accountancy* 193(4).
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1998. *Ihyā' 'Ulumuddin. Vol. 3*. Beirut: Dar Al-Hikmah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2000. *Ihya' Ulum Al-Din. Jil 1*. Kaherah: Dar Al-Watha'iq.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. 2018. *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Ghazali, Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ḥanafī, `Alī ibn `Alī ibn Abi al-`Izz al-. *Sharḥ al-Ṭahawīyyah fī al-`Aqīdah as-Salafīyyah*. Riyad: Maktabah al-Riyad al-Hadīthah.
- Hassan Langgulong. 1981. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.
- Ibn Faris t.th., *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, Jil.4.
- Al-Jazairi, Abu Bakr Jabir. 1999. *Pedoman Hidup Seorang Muslim (Ter. Mustafha Aini, Dkk.)*, Madinah: Maktabat Al-'Ulum Wa Al-Hikam.
- Kang Kyoung Seouk. 1990. *Perkembangan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2002. *Huraian sukatan pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4, KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2006. *Struktur Kursus Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Khairi Jalaluddin & Khadijah Abdul Razak. 2019. Pendidikan akidah asas pembinaan tamadun Islam di Malaysia, *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara*. hlm 119-128
- Mahmud Shaltut. 1966. *Al-Islam, `Aqidah wa Shari`ah*. Al-Qaherah: Dar al-Qalam.
- Manal Ali Ahmad, Shahabuddin Hashim & Nik Rosila Nik Yaacob. 2020. Islamic spirituality, resilience, and achievement motivation of Yemeni refugee students: A proposed conceptual framework. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research* 19(4): 322-342.
- Mira Shodiqoh & Fashi Hatul. 2020. Manajemen pendidikan agama dalam keluarga. *Tadris: Jurnal Penelitian dan Pemikiran Pendidikan Islam* 14(2): 12-30

- Mladenovic, R. 2000. An investigation into ways of challenging introductory accounting students' negative perceptions of accounting. *Accounting Education* 9(2): 135-155
- Mohamad Afandi Md Ismail, Muhamad Hasif Yahaya, Ikhmal Hafiz Jamal & Muhammad Najib Abdul Wakil. 2020. Isu LGBT di Malasysia: Satu tinjauan terhadap aspek kajian 3(1): 460-470.
- Mohamad Faisal Hj. Ahmad. 2005. Pengajaran Pengajian Islam dalam pembentukan akhlak dan sikap pelajar IPTS: Kajian di Kolej Yayasan Melaka. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Maliki Ali, Maimun Aqsha Lubis & Mohd Aderi Che Noh. 2018. Keberkesanan pengajaran kurikulum akidah dalam pendidikan Islam berasaskan kemahiran berfikir analitikal di Sekolah Menengah. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 2(1): 15-34
- Mohd Haidi Mohd Kasran, 2021. Kerangka akidah dalam kurikulum pendidikan rendah di *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(3): 3-12.
- Mohd Nor Jusoh. 2011. Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Sarjana Media Sdn. Bhd.
- Mohd Zaidi Ismail. 2009. "Faham ilmu dalam Islam: Pengamatan terhadap tiga takrifan ilmu", *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 10: 39-60
- Muhammad Shāmat. 1988. *Al-Islām Dīn wa Dunyā*. Cairo: t.pt.
- Muhamad Zaki Zainuddin & Khadijah Abdul Razak. 2021. Pengetahuan Akidah Dan Amalan Ibadah Pelajar Sekolah Menengah Di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 1(4): 80-95.
- Mustafa Haji Daud. 1996. *Akidah Mukmin*. Kuala Terengganu. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Mustapha Yazid. 1991. Penguasaan Jawi di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di negeri Kelantan: Satu kajian khusus di daerah Kota Bharu. Latihan ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nawi @ Mohd. Nawi Haji Ismail. 2006. *Pemurnian Akidah Islam: Analisis Terhadap Ajaran Salah*. Kota Bharu: Percetakan & Perniagaan Nik Daud Sdn. Bhd.
- Nik Rosila Nik Yaacob. 2007. Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 22: 161-172.
- Noorkharilhuda Ibrahim. 2017. Kajian tahap penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Swasta di Selangor. *Jurnal Al-Sirat* 16(1): 73-85.
- Nor Azizah Mustapha, Fariza Mohd Sham & Ahmad Irdha Mokhtar. 2019. Program dakwah di institut pemantapan dan perkaderan akidah Malaysia (IPHAM) dalam memantapkan akidah remaja. *Al Hikmah* 11(2): 3-19.
- Nor Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari. 2022. Menghayati nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam mendepani cabaran kontemporari, *Ar-Ra`Iq* 5(1): 20-74.
- Nor Wahida Dzalihu`zzabir. 2017. *Proceeding of International Conference on Humanities, Language, Culture & Business, Penang. 19-20 March 2017, Hotel Bayview Beach Resort Batu Feringgi Penang Malaysia*.

- Norsaleha Mohd Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Ahmad Munawar Ismail & Mohd. Shairawi Mohd. Noor. 2021. Modus operandi gerakan liberalisme di Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies* 2(1): 96-103.
- Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita & Tengku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2022. Penyelewengan akidah dalam ajaran sesat di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 197-206.
- Qaḥṭāni, Sa`īd. t.th. *Al-Muslim Fī Ḍau' al-Kitāb Wa as-Sunnah*. Rīyaḍh: Maṭba`ah Safīr.
- Al-Qaradawi, Yusof. 1993. *Al-Ibadah Fi Al-Islam*. Beirut: Mu'assasah Al-Risalah.
- Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosman. 2020. Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. *Journal of Islamic and Contemporary Issues* 5(2): 415-424.
- Samsul Bahri et al. 2012. *Tuntutan Aqidah Untuk Pelajar*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Aceh.
- Satria Kharimul Qolbi & Tasman Hamami. 2021. Impelementasi asas-asas pengembangan kurikulum terhadap pengembangan kurikulum Pendidikan Agama Islam. *Jurnal Ilmu Pendidikan* 3(4): 1120-1132.
- Shakila Ahmad, Mikdar Rushdi & Rafiuddin Afkari Abdul Fatah. 2013. *Usaha memartabatkan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pemangkin kelangsungan masyarakat Islam Madani di Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Isu Ketamadunan dan Cabaran Semasa (SIKCAS) Universiti Sains Malaysia, Penang.*
- Shamilatul Sufia Abdullah & A'dawiyah Ismail. 2022. Kebimbangan dan peranan ibu dalam menjaga akidah dan akhlak anak-anak dalam era digital. *Jurnal Pengajian Islam* 15(1): 195- 207.
- Sidek Baba. 2010. *Remaja Islam kembali kepada pemikiran Al-Quran & Sunnah*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Siti Nur Aisyah & Sarinah Yahya. 2019. Tahap pengetahuan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar (IPGKRM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 4(7): 178 -186
- Siti Rusminah. 2019. *Pelaksanaan Pembelajaran Akidah Akhlak Dalam Membentuk Perilaku Siswa Di Madrasah Ibtidaiyah Darul Ulum Palangka Raya*. t.tp.: t.pt.
- Sulaiman Ngah Ghazali. 1990. *Ke Arah Mempertingkat Mutu Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Agama Rakyat Di Negeri Perak: Satu Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syafawani Mohd Hashim & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2020. Ancaman ideologi keganasan: Faktor-faktor penglibatan masyarakat Malaysia dalam kumpulan Daesh. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 23(1): 111-127.
- Syed Muhammad Al-Naquib al-Attas. 1984. *The Concept Of Education In Islam: Framework For An Islamic Philosophy Of Education (Konsep Pendidikan Didalam Islam)*. Terjemahan: Haidar Bagir, Mizan Bandung. t.tp.: t.pt.
- Syed Muhammad Naquib. 1995. *Prolegomena of the Metaphysic of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1989. *Konsep ilmu dalam Islam*. Pulau Pinang: Sinaran Bros Sdn. Bhd.

- Wan Norasiah Wan Ismail. 2003. Akhlak Remaja di Felda Ulu Belitong: Satu Kajian Tingkahlaku Belia Melayu. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Malaysia.
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. 2020. Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* 5(2): 415–424.
- Yahya Ibrahim. 2004. Etiologi masalah sosial: Kajian terhadap remaja di Sungai Petani, Kedah. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia* 20: 47-66.
- Yusuf Al-Qardawi. 1987. *Pengertian Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Zaini Ujang. 2009. *Menghayati Budaya Ilmu: Faham Ilmu, Amalan dan Panduan*. t.tp.: t.pt.